

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' NORAINI BINTI AHMAD
(PARIT SULONG)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATO' NORAINI BINTI AHMAD [PARIT SULONG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah syarikat yang belum lagi mendaftarkan di bawah GST setakat ini dan adakah Kerajaan mempunyai cadangan untuk memberi potongan cukai kepada syarikat yang telah mendaftar di bawah GST.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan syarikat yang berdaftar di bawah sistem GST sehingga 10 Jun 2015 adalah sebanyak 380,313 buah syarikat. Daripada jumlah tersebut, 94% terdiri daripada Perusahaan Kecil

dan Sederhana (PKS). Asas yang digunakan bagi peniaga untuk berdaftar di bawah sistem GST adalah nilai *threshold* RM500,000. Jabatan Kastam Diraja Malaysia sentiasa memantau syarikat-syarikat yang layak berdaftar tetapi tidak berbuat demikian melalui kerjasama erat dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

Kerajaan telah pun memperkenalkan pakej bantuan pelaksanaan GST kepada perniagaan, antaranya adalah mengenai layanan cukai pendapatan seperti berikut:

- a. Kadar cukai pendapatan syarikat dikurangkan satu mata peratusan daripada 25% kepada 24% mulai tahun taksiran 2016;
- b. Kadar cukai pendapatan syarikat kecil dan sederhana dikurangkan satu mata peratusan daripada 20% kepada 19% mulai tahun taksiran 2016;
- c. Kadar cukai pendapatan koperasi dikurangkan satu hingga dua mata peratusan mulai tahun taksiran 2015; dan
- d. Yuran kesetiausahaannya sehingga RM5,000 dan yuran pemfailan cukai sehingga RM10,000 dibenarkan potongan cukai.

Bagi membantu PKS pula, Kerajaan telah memperkenalkan pakej bantuan

seperti berikut:

- a. Pemberian bantuan tunai bagi pembelian perisian perakaunan patuh GST sebanyak RM1,000 kepada PKS;
- b. Perbelanjaan pembelian peralatan dan perisian ICT diberi Elaun Modal Dipercepatkan; dan
- c. Perbelanjaan ke atas kos latihan perakaunan dan ICT berkaitan GST diberi potongan tambahan.

Melalui langkah-langkah ini, kedua-dua pihak peniaga dan pengguna akan mendapat manfaat di mana beban kos perniagaan akan berkurangan dan ini seterusnya memberi kebaikan kepada pengguna dari segi dapat membendung kenaikan harga.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,

PARLIMEN KETIGA BELAS,

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' NORAINI BINTI AHMAD
[PARIT SULONG]**

SOALAN :

Dato' Noraini Binti Ahmad [Parit Sulong] minta PERDANA MENTERI menyatakan keberkesanan program TalentCorp dan jumlah warganegara yang pulang ke tanah air dalam program ini untuk tahun 2012, 2013 dan 2014.

JAWAPAN: Y.B SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi memudahcara kepulangan tenaga profesional Malaysia di luar negara untuk kembali berkhidmat dalam negara, Kerajaan telah melancarkan *Returning Expert Programme (REP)* pada 2001. Sejak pelaksanaan Program tersebut mula diterajui oleh Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) pada 2011 dengan pendekatan yang lebih holistik, lebih 3,600 profesional warga Malaysia telah diluluskan untuk kembali berkhidmat di Malaysia berbanding sejumlah 1,130 rakyat Malaysia berkemahiran tinggi yang telah diluluskan dalam tempoh satu dekad sebelum itu, iaitu di antara 2001 dan 2010.
2. Sehubungan ini, TalentCorp akan terus berusaha untuk bekerjasama dengan syarikat tempatan dalam mengetengahkan peluang-peluang pekerjaan yang sedia ada bagi menarik minat golongan profesional Malaysia di luar negara untuk pulang bekerja di Malaysia. Dalam masa yang sama, inisiatif REP akan terus diperhalusi untuk memastikan kehendak ekonomi negara dipenuhi dan kualiti golongan profesional yang tinggi.
3. Dari aspek kualiti, mulai 16 April 2014 inisiatif ini telah diperhalusi di mana pemohon perlu menepati kriteria yang mengambil kira pengalaman bekerja di Malaysia iaitu sebelum bekerja di luar negara, pendapatan di luar negara dan pengalaman serta kepakaran yang relevan dengan sektor ekonomi atau jurang

kemahiran yang kritikal di Malaysia. Ini bagi memastikan pemohon yang diluluskan mempunyai kemahiran yang dapat menyumbang kepada Program Transformasi Ekonomi (ETP). Kelulusan di bawah program ini juga tertakluk kepada pertimbangan Mesyuarat Jawatankuasa Khas *Returning Expert Programme* yang dianggotai oleh wakil daripada beberapa agensi Kerajaan termasuk Kementerian Kewangan, Lembaga Hasil Dalam Negeri, Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Imigresen Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

4. TalentCorp sememangnya lebih dikenali dengan usaha memudahcara kepulangan profesional warga Malaysia di luar negara. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, realitinya bahawa perhatian dan fokus bagi usaha-usaha TalentCorp adalah lebih bertumpu kepada pembangunan bakat dalam negara, khususnya bagi menangani isu keperluan tenaga berkemahiran tinggi di Malaysia. Melalui kerjasama efektif (*effective partnerships*) bersama sektor awam dan swasta, tumpuan TalentCorp adalah seperti berikut:
 - i. **Pertamanya**, meningkat kebolehpasaran graduan tempatan;
 - ii. **Keduanya**, menggalakkan kepelbagai bakat khususnya modal insan wanita;
 - iii. **Ketiganya**, memudahcara kepulangan tenaga mahir Malaysia di luar negara; dan
 - iv. **Keempatnya**, memudahcara bakat asing berkemahiran tinggi untuk terus bekerja di Malaysia.

5. Secara keseluruhan, pelaksanaan inisiatif di bawah TalentCorp dari tahun 2011 hingga 2014 adalah seperti berikut:

Inisiatif	2014	2013	2012	2011
Kebolehpasaran Graduan Tempatan				
Program Graduate Employability	3,662	6,034	1,309	101
Program Latihan Industri Berstruktur <i>(Structured Internship Programme)</i>	12,852	10,000 penempatan	12,000 tempat	Pengumuman Pelaksanaan
Kepelbagaiannya bakat khususnya modal insan wanita				
Bilangan <i>flexijobs</i> di portal <i>flexWorkLife.my</i>	684	-	-	-
Tenaga Mahir Malaysia Di luar Negara				
Inisiatif berkaitan pemegang biasiswa JPA (<i>Scholarship Talent Attraction & Retention / STAR initiative</i>)	1,006	424	169	200
<i>Returning Expert Programme (REP)</i>	606	900	923	680
Tenaga Asing Berkemahiran Tinggi				
<i>Residence Pass Talent (RP-T)</i>	1,007	826	848	500

Tuan Yang di-Pertua,

6. Dalam mendepani cabaran dengan izin, *talent war*, yang dihadapi di peringkat global pada hari ini, TalentCorp akan terus melipatgandakan usaha melalui pelbagai pendekatan dalam melaksanakan mandat untuk menangani isu kekurangan modal insan berkemahiran tinggi yang diperlukan dalam sektor ekonomi utama negara bagi memacu ETP dalam usaha mencapai matlamat menjadikan negara berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Sekian, terima kasih.